

Khazanah Nasional sedia dana RM1 bilion

BERITA HARIAN 23 APR 2024

m/s: 2

Peruntukan awal bakal dilabur dalam firma berteknologi tinggi dan berinovatif

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Khazanah Nasional akan melancarkan dana *National Fund-of Funds* dengan peruntukan awal RM1 bilion.

Dana itu antara lain bertujuan untuk melabur dan mewujudkan syarikat teknologi tinggi dan berinovatif.

Perdana Menteri berkata, dalam pengumuman Belanjawan Malaysia MADANI 2024 pada Oktober lalu, beliau menggariskan komitmen kerajaan untuk membantu syarikat Malaysia membabitkan usahawan Bumiputera, syarikat baharu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus meningkat.

“Kerajaan juga menyasarkan untuk memusatkan agensi pelaburan seperti Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan Penjana Kapital di bawah Khazanah.


“Dalam hal ini, saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa Khazanah Nasional akan melancarkan *National Fund-of Funds* dengan peruntukan awal RM1 bilion untuk melabur dalam syarikat Malaysia berpertumbuhan tinggi yang inovatif,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Sidang Kemuncak KL20 di sini, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Pada acara sama, Anwar turut melancarkan Kertas Tindakan KL20, pelan hala tuju menyeluruh yang menggariskan inisiatif pembaharuan ketara untuk mencapai titik penyatuan dalam kalangan pemegang taruh utama iaitu pengasas, pemodal teroka, bakat, inkubator dan pemacu, bagi memacu sektor teknologi pemula Malaysia ke satu tahap lebih tinggi.

Sidang kemuncak itu bertindak sebagai platform perbincangan penting yang menemukan pembuat keputusan kerajaan, pengasas syarikat pemula gergasi (*unicorn*), pelabur besar dan pemikir di Kuala Lumpur, menjadikannya medan utama untuk



Anwar melawat reruai Sidang Kemuncak KL20 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

perbincangan, debat dan membuat perjanjian.

Sidang Kemuncak KL20 turut menyaksikan pengenalan beberapa inisiatif penting bertujuan memudahkan lagi akses kepada bakat (*Visa Green-laning*), menjadikan pelaburan dan penyumbahan tawaran lebih kerap (*VC Golden Pass*) serta menjadikan infrastruktur kecerdasan buatan (AI) lebih matang (*Graphical Processing Units Installation*).

Pelabur terus yakin

Perdana Menteri berkata, negara terus menyaksikan aliran keyakinan berterusan daripada pelabur di semua bahagian ekosistem permulaan membabitkan 25 syarikat yang akan memberi peluang sebenar kepada Malaysia mencipta usaha niaga teknologi canggih.

“Pelaburan hari ini antara lain membabitkan dana kekayaan negara, Khazanah Nasional, Kum-

pulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Blue Chip Venture Capital yang akan melabur sehingga RM3 bilion dalam ekosistem Asia Tenggara dan Malaysia di bawah Inisiatif Pelaburan ASEAN.

“Sebanyak 12 firma modal teroka antarabangsa akan menubuhkan pejabat dan dana baharu di Kuala Lumpur dengan saiz aset di bawah pengurusan melebihi berbilion dan rekod prestasi pelaburan yang cemerlang.

“Ini membolehkan penemuan syarikat pemula Malaysia yang baik dan dipupuk untuk berjaya pada peringkat global,” katanya.

Selain itu, Anwar berkata, syarikat berteknologi tinggi juga akan menubuhkan operasi, kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta ibu pejabat serantau mereka, untuk melayani pasaran Asia dan Asia Tenggara.

Jawatankuasa Penasihat Dasar Kepada PM ditubuh

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Dasar Kepada Perdana Menteri untuk memberi khidmat nasihat terkait soal pembangunan negara dan daya tahan ekonomi sejajar dengan Ekonomi MADANI.

Jawatankuasa itu dipengerusikan bekas Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Keahliannya terdiri daripada Pengerusi Eksekutif FVSB Sdn Bhd, Datuk Ahmad Fuad Md Ali; Profesor Ekonomi, Profesor Dr Yeah Kim

Leng dan Ahli Lembaga Peme-gang Amanah Institut Penyelidikan Khazanah, Dr Nung-sari Ahmad Radhi.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) dalam kenyataannya, berkata penubuhan jawatankuasa ini susulan berakhirnya tempoh Jawatankuasa Penasihat Kepada Menteri Kewangan (ACFIN) pada Februari 2024 yang juga dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Hassan Marican.

PMO berkata, cadangan yang dikemukakan ACFIN mendapat pertimbangan sewajarnya dan sebahagian daripadanya kini dalam proses pelaksanaan.